


Utusan  
MALAYSIA

KHAMIS 5 JUN 2003

www.tutor.com.my

# Pendidikan

KAMI ADA CARA



PARA pelajar baru dan keluarga membanjiri perkarangan Kolej Kediaman Ke-14 di Universiti Putra Malaysia pada hari pertama pendaftaran.

## Pelajar baru IPTA

Lebih 37,000 mendaftar serentak

# Pelajar baru IPTA

## Lebih 37,000 mendaftar serentak

OLEH ROHANA MAN

**S**ERAMAI 37,034 pelajar baru institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mendaftar serentak di 17 buah universiti dan kolej universiti awam yang menawarkan tempat kepada mereka, baru-baru ini.

Pendaftaran serentak itu diadakan pada 1 Jun lalu, mulai pukul 8 pagi sehingga 4.30 petang.

Bagaimanapun, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati terdapat IPTA seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menerima kemasukan pelajar baru yang ramai membuka kaunter pendaftaran pelajar baru selama dua hari berturut-turut iaitu pada 31 Mei dan 1 Jun lalu.

Pada semester Mei 2003 ini, UPM menerima seramai 6,400 pelajar baru sekali gus muncul IPTA paling banyak menerima pelajar baru.

Universiti itu menempatkan semua pelajar baru di 14 buah kolej kediamannya.

Di Kolej Kediaman Ke Empat Belas (K14) sahaja, seramai 1,805 pelajar baru mendaftar manakala di Kolej Kediaman Ke Dua Belas (K12), seramai 867 pelajar baru mendaftar.

Jumlah yang ramai itu menyebabkan berlaku sedikit kesesakan lalu lintas di kedua-dua jalan masuk ke kolej kediaman berkenaan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas di Lebuhr Silikon.

Bagaimanapun, kesesakan itu berjaya diatasi hasil kerjasama ibu bapa dan penjaga yang patuh pada arahan pengawal keselamatan UPM.

Begitu juga, kawalan lalu lintas yang turut dibantu oleh ahli jawatankuasa (AJK) kolej kediaman membantu pihak universiti mengendalikankan proses pendaftaran pelajar baru dengan lancar.

Presiden Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) Kolej K14, **Mohd. Safzan Mohd. Mukhtar**, 21, berkata, seramai 51 pembantu hal ehwal mahasiswa terlibat dalam program Minggu Suaikelan Pelajar Baru yang berlangsung dari 1 Jun sehingga 8 Jun ini.

Menurutnya, oleh kerana jumlah pelajar baru yang ditempatkan di K14 ramai maka pihak kolej telah mengadakan hari pendaftaran pelajar baru selama dua hari.

Presiden MTM K12, **Faiz Ramzi Sutarji**, 22, pula berkata, seramai 867 pelajar baru mendaftar di kolej kediaman itu pada semester ini.

"Saya berterima kasih kepada ibu bapa dan penjaga serta pelajar baru yang telah memberi kerjasama kepada AJK bertugas dalam memastikan keseluruhan proses pendaftaran berjalan lancar," katanya.

Menurutnya, sikap sabar pelajar baru yang terpaksa berjalan mendaki dan menuruni bukit untuk ke meja pendaftaran di tengah terik mentari memudahkan AJK menjalankan tugas.

Tinjauan di kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula mendapati kesesakan lalu lintas tidak begitu ketara kerana setiap kolej kediaman hanya menerima kemasukan pelajar baru kurang daripada 500 orang.

Pegawai Perhubungan Awam UKM, **Radzuan Ghazali** berkata, pada semester ini, UKM menerima kemasukan 4,808 pelajar baru.

Menurutnya, semua pelajar baru UKM mendaftar di sembilan buah kolej kediaman.

Katanya, pada semester ini juga, UKM menawarkan empat kursus peringkat sarjana muda iaitu program Kesihatan Persekutuan (kepujian) dan Fisioterapi (kepujian) di Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu.

"Tempoh pengajian bagi kedua-dua kursus ini ialah empat tahun," katanya.